

RANG MELAYU DAN PIMPINAN DR. MAHATHIR: SEKARANG

ah
19 06 1983

WUJUDNYA JUTAWAN MELAYU DALAM

DAN AKAN DATANG BAHAGIAN KETUJUH



W

Kesan yang sangat merbahaya apabila parti yang begitu bertenaga dan berpengaruh dimasuki oleh orang-orang yang tidak begitu faham lagi tentang perjuangan dan cita-cita UMNO

UMNO

DENGAN berlandaskan sejarah dan perkembangan masyarakat, setelah mengambil kira kurugian-kerugian yang ditanggung oleh orang Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu dan Sistem Politik Melayu yang mula-mula, sampailah ke zaman sengketa Melayu-Cina meletus pada akhir tahun 1960-an dahulu, maka orang Melayu pada akhirnya diberi kedudukan dan pengiktirafan yang sewajarnya bermula dalam tahun 1970.

Dengan latar belakang seperti yang saya gariskan di atas sebagai tempat bertolak dapatlah kita memahami kedudukan UMNO hari ini. Dengan kedudukan dan tarafnya sebagai juara kepada pengembalian hak-hak orang Melayu yang telah lama terlucut ke tangan orang lain itu, UMNO telah menjadi semakin besar dan berpengaruh.

Ketika UMNO mula-mula menentang supaya Malayan Union dileburkan kerana pelaksanaannya akan menghilangkan taraf, kedudukan dan peranan raja-raja dan yang demikian meletakkan orang Melayu setaraf dengan orang-orang bukan Melayu, parti itu baru terlepas dari kecondongan untuk mewujudkan pertubuhan-pertubuhan yang bercorak kedaerahan.

Kewujudan tiga jenis pentadbiran dan sistem politik, iaitu Negeri-negeri Selat (Singapura, Melaka dan Pulau Pinang), Negeri-negeri Bersekutu (Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak) dan Negeri-negeri Tidak Bersekutu (Johor, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis) di bawah penjajahan British dengan sendirinya telah mencecair-beraikan orang-orang Melayu di negeri-negeri ini.

Malah, pada awal kurun ke-20 akibat perjanjian Inggeris-Siam, negeri-negeri Selatan Siam, yang mempunyai jumlah penduduk lebih daripada 90 peratus Melayu bukan saja terjatuh ke tangan Siam tetapi juga mengakibatkan kekaburan mengenai apa yang 'legitimate' kepada Tanah Melayu dan apa yang tidak 'legitimate'.

Apabila gerakan-gerakan menentang Siam terdetas di kalangan orang Melayu di Empat Wilayah di Selatan Siam selepas Perang Dunia Kedua, akhbar-akhbar, majalah dan beberapa buah pertubuhan orang Melayu di Tanah Melayu memvokong gerakan-gerakan tersebut dengan hebatnya.

Ahli-ahlinya sejarah dan para pemerhati politik berkata, jika pimpinan UMNO ketika itu terdiri dari para pemikir bukan pakar-pakar strategi yang berpengaruh, kemungkinan besar sempadan Tanah Melayu di utara akan termasuk Empat Wilayah.

Menurut mereka, orang-orang Melayu yang semuanya beragama Islam di wilayah-wilayah tersebut tidak ada faedahnya kepada Siam yang beragama Buddha. Bahkan mereka hanya menjadi 'duri dalam daging' sahaja kepada Siam.

Tetapi perbitungan politik adalah lebih dari itu. Wilayah-wilayah Selatan Siam dipercayai kaya dengan sumber-sumber bijih, logam dan minyak. Po-

P BT M

tensi hasil pertanian dan kehutanan juga boleh menolong Siam yang ekonominya tidak begitu kukuh kerana tidak dieksploitkan. Bagi Siam, jika ia dieksploitkan tanpa perancangan, bukan saja ia menghadapi masalah infrastruktur, malah kemungkinan besar yang hendak diberi faedah oleh kerajaan Siam bukan penduduk-penduduk yang tinggal di situ.

'Transmigration' mungkin difikirkan oleh Siam tetapi kesan ke atas hubungan antarabangnya dengan negara-negara yang menjadi sahabat dan negara-negara Islam mungkin satu risiko yang negara itu tidak bersedia untuk hadapi.

Walau bagaimanapun, pemisah-pemisah yang saya sebutkan di atas yang dicipta oleh British menyulitkan orang Melayu. Pengalaman British di Afrika, Timur Tengah dan India menyebabkan kuasa Eropah itu terpaksa melaksanakan dasar pecah dan perintah.

Oleh itu, ketika UMNO mula-mula hendak ditubuhkan dulu, yang pertama parti itu hadapi ialah untuk mendapatkan sokongan pertubuhan-pertubuhan di negeri-negeri. Beberapa orang Sultan yang telah menandatangani perjanjian Malayan Union telah dinasihatkan oleh para pemimpin Melayu, seperti Dato' Onn Jaafar supaya menarik balik persetujuan itu.

KEHILANGAN

Orang Melayu dan raja-raja bernasib baik. Jika tidak kerana UMNO yang ditubuhkan dalam tahun 1947, yang dengan satu suara dan tenaga menasihatkan raja-raja tentang akibat persetujuan itu, orang Melayu mungkin 'hilang di dunia'. Dengan taraf kerakyatan yang sama kepada orang Melayu dan bukan Melayu pada tarikh Malayan Union dikuat-kuasakan, orang Melayu bukan saja akan kehilangan kuasa raja-raja, malah pembelaan terhadap masa depan politik dan ekonomi mereka tetap akan terhapus.

Jika sejarah melaknatkan orang Melayu sebagai bangsa 'India Merah' (bangsa asli Amerika) pada hari ini, maka Malayan Unionlah puncanya. Sungguhpun Malayan Union telah hancur, suara-suara untuk menghidupkan semangat Malayan Union masih kuat berbunyi di kalangan orang bukan Melayu hari ini.

Dengan berselindung di sebalik 'ayanan sama rata', 'kerakyatan serupa' dan dasar-dasar kerajaan yang katanya tidak seimbang dan tidak membela kaum-kaum mereka, maka mereka menggunakan platform-platform parti politik, akhbar bukan Melayu dan pertubuhan-pertubuhan pelajar luar negeri untuk 'kembali kepada Malayan Union'.

Kejayaan UMNO menentang Malayan Union, menggubal dan mewujudkan Perlembagaan Merdeka dan kemudian menubuhkan Perikatan dengan MCA dan selepas itu dengan MIC, tidak syak lagi satu kejayaan yang luar biasa.

Seperti yang diketahui, selepas memenangi pilihanraya demi pilihanraya UMNO menjadi semakin berpengaruh. Sungguhpun dalam tempoh 10 tahun pertama selepas merdeka parti itu gagal untuk melaksanakan dasar-dasarnya dengan berkesan, namun selepas 1970 UMNO telah menempa kejayaan demi kejayaan.

Setelah 15 tahun selepas 13 Mei 1969, UMNO telah berjaya mewujudkan berbagai-bagai kemudahan kepada rakyat jelata. Bahkan parti itu telah mewujudkan lebih ramai jutawan Melayu dalam masa lima tahun terakhir selepas merdeka berbanding dengan hampir 25 tahun sejak ia merdeka.

Kemajuan dan perubahan dalam sesebuah negara tidak bermakna ia seimbang antara tuntutan dan kepuasan kebendaan dengan tuntutan dan kepuasan jiwa atau rohani. Sungguhpun kemajuan kebendaan selalunya membawa perubahan kepada kemudahan-kemudahan yang sedia ada, malangnya kemudahan-kemudahan ini tidak bermakna ia digunakan dengan penuh insaf oleh para pengguna.

Masjid, surau, institusi-institusi pendidikan Islam, bangunan-bangunan untuk kemudahan pengembangan Islam, bank, kolej dan pusat-pusat pengajian Islam, jalan raya, kenderaan, radio dan TV serta telefon, bahkan biasiswa dan kemudahan latihan, telah disediakan oleh kerajaan dengan me-

makan belanja serta peruntukan yang banyak setiap tahun.

Malangnya manusia yang mendapat kekuasaan kebendaan tidak menggunakan kemudahan-kemudahan kebendaan ini untuk kemajuan dan kepuasan rohani. Seperti yang selalu diingatkan oleh cerdik-pandai, ahli filasuf dan hukum-hukum, kebendaan melalaikan manusia betapapun mulai cita-cita kerajaan atau pemerintah dan betapapun baik tujuan kemudahan-kemudahan yang bersifat kebendaan itu diwujudkan.

Di samping kemudahan-kemudahan khas untuk pengembangan dan kebangkitan syiar Islam, kerajaan juga menggalakkan kemudahan-kemudahan yang lain, seperti mengeluarkan permit dan lesen untuk kepentingan perniagaan dan cukai.

Sungguhpun lesen dan kelulusan-kelulusan untuk menubuhkan kelab-kelab dan pusat membeli-belah tidak ada kena-mengena dengan Islam, tetapi sebagai memenuhi kehendak-kehendak dan kemudahan kehidupan kota, namun kemudahan-kemudahan ini turut digunakan oleh orang-orang Islam untuk kepentingan masing-masing.

Oleh kerana bilangan orang Islam yang menggunakan kelab malam, disko, bar dan restoran, kelab judi, rumah urut dan sebagainya tidak berkurangan, sedangkan tidak ada satu cara khusus untuk mengharamkan langsung orang-orang Islam daripada menyertai dalam kemudahan-kemudahan ini, maka kerajaan dilihat sebagai menggalakkan orang Islam mengambil bahagian dalam kegiatan maksiat.

PERISAI

Bilangan kelab-kelab eksklusif juga bertambah. Demikianlah para pengunjung dan ahli-ahlinya. Penyertaan orang Islam dalam kelab-kelab sosial seperti ini juga tidak berkurangan. Pada akhir-akhir ini kelab-kelab seperti ini dituduh sebagai pusat kegiatan maksiat yang paling 'sophisticated' di negara kita.

Sungguhpun belum ada bukti-bukti terbuka, kelab-kelab seperti ini dipercayai oleh golongan-golongan tertentu sebagai 'perisai' untuk menutup orang-orang kaya dan ternama serta bergelar daripada dilihat sebagai menjalankan kegiatan maksiat secara terbuka.

Apapun tuduhan mereka ini, maksiat bukar saja wujud di kelab-kelab seperti itu atau dilakukan oleh orang-orang yang ternama dan bergelar sahaja. Bahkan, menurut sumber-sumber tertentu, para pemimpin Islam dari negara-negara Timur Tengah diketahui melakukan berbagai maksiat, terutama sekali apabila mereka berada diluar negeri.

Satu lagi kesan pembangunan yang rancak dan berjaya ialah kewujudan golongan kaya di kalangan orang-orang Islam. Sesudah mendapat kepuasan kebendaan, mereka ingin meluaskan pengaruh mereka dalam pertubuhan-pertubuhan politik. Sebagai parti yang paling berpengaruh dan berkuasa sekali di negara ini, maka parti yang paling logik sekali untuk dimasuki ialah UMNO.

Kemasukan orang-orang kaya dalam UMNO menjadi masalah di bawah pentadbiran Mahathir. Dengan wang dan tawaran-tawaran yang menarik, mereka boleh mempengaruhi ahli-ahli UMNO dengan senang. Ahli-ahli UMNO sendiri ada yang terdiri daripada jutawan-jutawan Melayu yang mendapat kontrak-kontrak ratusan juta.

Antara yang ingin memberi dan menerima terdapat satu persamaan, iaitu kedua-duanya mendapat kepuasan. Yang memberi mendapat kepuasan kuasa dan yang menerima mendapat kepuasan kebendaan, betapapun sementara.

Kewujudan 'kontrak' yang seperti ini dalam UMNO memberi gambaran bahawa dalam UMNO nilai-nilai moral dan ajaran agama tidak begitu penting. Rasuah boleh berlaku dengan giat dan se-

cara besar-besaran.

Masalah yang penting sekali kepada UMNO ialah jika kepuasan kebendaan terus membawa kemakmuran kepada ekonomi negara, ia tidak bermakna kemakmuran yang serupa akan wujud dalam UMNO. Perebutan sengit untuk mendapatkan kedudukan-kedudukan penting dalam parti akan berlaku dengan hebatnya.

Dengan membiarkan persaingan seperti ini wujud terus-menerus, maka sesiapa yang paling kaya sekali di antara mereka akan berjaya menduduki tempat-tempat penting dalam parti itu. Lama-kelamaan UMNO akan wujud bukan lagi sebagai sebuah parti politik yang berjuang untuk kepentingan orang Melayu tetapi sebagai kelab jutawan yang merancang untuk 'melabur' lebih banyak wang dan harta supaya mereka dipilih dalam pemilihan parti.

Kesan jangka panjang kepada UMNO adalah buruk jika parti itu terus berada dalam situasi seperti ini. Inilah kekhawatiran Mahathir selagi beliau masih memimpin parti ini. Tetapi inilah satu kesan yang sangat merbahaya apabila parti yang begitu berkuasa dan berpengaruh dimasuki oleh orang-orang yang tidak begitu faham lagi tentang perjuangan dan cita-cita UMNO.

Masa hadapan Mahathir bergantung kepada

keupayaan dan kejayaan beliau untuk mengikis perkembangan-perkembangan yang merbahaya ini dalam parti itu. Selagi beliau tidak menceraikan perjuangan UMNO ketika parti itu mula-mula ditubuhkan dulu daripada sikap dan tindakan-tindakan parti itu sekarang, orang Melayu tidak akan ada peluang untuk menuduh beliau sebagai tidak berjuang untuk mereka dan agama Islam.

Sungguhpun masih banyak perkara yang perlu beliau selesaikan untuk mewujudkan sebuah parti dan kerajaan yang benar-benar menggambarkan hasrat dan cita-cita rakyat, terutama orang Melayu, apabila diletakkan semua sekali kekuatan dan kelemahan beliau untuk dinilai, maka orang ramai tetap menganggap beliau sebagai seorang pemimpin yang sumbangan-sumbangan dan buah fikirannya amat diperlukan.

Cabaran dan ancaman berlaku setiap masa dalam parti-parti politik dan kerajaan. Tidak siapa-pun akan dapat melepaskan diri dengan percuma tanpa menghadapi tekanan, ancaman dan cabaran, walau siapa sekalipun yang menjadi Perdana Menteri di negara ini. Inilah harga pengorbanan yang terpaksa dibayar oleh sesiapa jua yang bercita-cita untuk berkuasa dan menjadi pemimpin.